

ANGGARAN PENGELOUARAN



SEKTOR PERTANIAN

METODOLOGI

Kuantiti pengeluaran dan maklumat harga yang berkaitan secara suku tahunan digunakan untuk mendapat nilai output pada harga semasa dan malar seperti berikut:

- Getah: pengeluaran getah;
- Kelapa Sawit: pengeluaran minyak sawit mentah, isi rong sawit dan buah tandan segar;
- Ternakan: indikator yang berkaitan;
- Pertanian Lain: indikator yang berkaitan;
- Perhutanan dan Pembalakan: pengeluaran kayu balak; dan
- Perikanan: kuantiti pendaratan ikan laut dan akuakultur.

Nisbah input-output terkini pada harga malar digunakan untuk mendapatkan penggunaan perantaraan pada harga malar; yang kemudiannya dinaikkan untuk mendapatkan nilai penggunaan perantaraan pada harga semasa. Nilai ditambah diperoleh sebagai baki hasil tolak penggunaan perantaraan daripada output.

SUMBER DATA

GETAH

- Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia
- Lembaga Getah Malaysia
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan

KELAPA SAWIT

- Lembaga Minyak Sawit Malaysia
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan

TERNAKAN

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Sabah
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Sarawak
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan
- Survei Pertanian dan Alam Sekitar

PERTANIAN LAIN

- Jabatan Pertanian Malaysia
- Lembaga Perindustrian Nanas, Malaysia
- Lembaga Lada Malaysia
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
- Lembaga Koko Malaysia
- Survei Pertanian dan Alam Sekitar
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan

METODOLOGI DAN SUMBER DATA

PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perhutanan Sabah
- Jabatan Hutan Sarawak
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

PERIKANAN

- Jabatan Perikanan, Malaysia
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

METODOLOGI

Kuantiti pengeluaran dan maklumat harga yang berkaitan secara suku tahunan digunakan untuk mendapat nilai output pada harga semasa dan malar seperti berikut:

- Minyak Mentah, Kondensat dan Gas Asli: pengeluaran minyak mentah, kondensat dan gas asli;
- Perlombongan Lain: kuantiti mengikut jenis mineral.

Nisbah input-output terkini pada harga malar digunakan untuk mendapatkan penggunaan perantaraan pada harga malar; yang kemudiannya dinaikkan untuk mendapatkan nilai penggunaan perantaraan pada harga semasa. Nilai ditambah diperoleh sebagai baki hasil tolak penggunaan perantaraan daripada output.

SUMBER DATA

PETROLEUM DAN GAS ASLI

- Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)
- Indeks Pengeluaran Perindustrian
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan

PERLOMBONGAN LAIN & PENGKUARIAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN

- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
- Statistik Pembinaan Suku Tahunan
- Survei Akaun Negara Suku Tahunan



SEKTOR PEMBUATAN

METODOLOGI

Perangkaan Pembuatan Bulanan, Indeks Pengeluaran Perindustrian dan indeks harga yang berkaitan digunakan untuk membuat anggaran output pada harga semasa dan malar.

Nisbah input-output terkini pada harga malar digunakan untuk mendapatkan penggunaan perantaraan pada harga malar; yang kemudiannya dinaikkan untuk mendapatkan nilai penggunaan perantaraan pada harga semasa. Nilai ditambah diperoleh sebagai baki hasil tolak penggunaan perantaraan daripada output.

SUMBER DATA

- Perangkaan Pembuatan Bulanan
- Indeks Pengeluaran Perindustrian
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan



SEKTOR PEMBINAAN

METODOLOGI

Nilai kerja binaan secara suku tahunan digunakan untuk menganggar output pada harga semasa.

Nisbah input-output terkini pada harga malar digunakan untuk mendapatkan penggunaan perantaraan pada harga malar; yang kemudiannya dinaikkan untuk mendapatkan nilai penggunaan perantaraan pada harga semasa. Nilai ditambah diperoleh sebagai baki hasil tolak penggunaan perantaraan daripada output.

SUMBER DATA

- Statistik Pembinaan Suku Tahunan
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan



SEKTOR PERKHIDMATAN

METODOLOGI

A) PERKHIDMATAN SWASTA

Output bagi sektor Perkhidmatan Swasta dianggarkan pada harga semasa dan malar berdasarkan maklumat suku tahunan daripada pelbagai sumber yang merangkumi subsektor seperti berikut:

UTILITI

Data penggunaan elektrik, gas dan air digunakan untuk menganggar output pada harga malar.

PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

Output pada harga semasa dan harga malar digerakkan berdasarkan indikator nilai jualan yang diperoleh daripada Penyiasatan Perdagangan Edaran Bulanan dan Indeks Perdagangan Edaran.

MAKANAN & MINUMAN, PENGINAPAN, PENGANGKUTAN & PENYIMPANAN, MAKLUMAT & KOMUNIKASI, HARTANAH, PERKHIDMATAN PERNIAGAAN, PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SWASTA, PERKHIDMATAN KESIHATAN SWASTA DAN PERKHIDMATAN SWASTA LAIN

Data Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan dan Indeks Perkhidmatan digunakan sebagai penggerak bagi menganggar output pada harga semasa.

KEWANGAN

Output utama terdiri daripada caj perkhidmatan ketara dan (*Financial Intermediation Services Indirectly Measured*) FISIM. FISIM dikira mengikut konsep kadar faedah rujukan seperti yang disarankan dalam 2008 SNA. Agihan FISIM dibuat mengikut komposisi stok pinjaman dan deposit dalam sistem perbankan.

METODOLOGI DAN SUMBER DATA

INSURANS

Output pada harga semasa diperoleh daripada hasil tambah pendapatan premium dan pendapatan pelaburan bersih tolak tuntutan dibayar.

KEDIAMAN YANG DIDIAMI OLEH PEMILIK

Anggaran suku tahunan pada harga malar diekstrpolasi berdasarkan perubahan stok perumahan yang mengambil kira pertambahan faktor perkadaran penduduk yang memiliki rumah sendiri di Malaysia.

Indeks harga yang berkaitan digunakan untuk mendeflasi output bagi mendapatkan output pada harga malar. Anggaran **penggunaan perantaraan** pada harga malar adalah menggunakan nisbah input-output yang dikemaskini berdasarkan data terkini. FISIM turut diambil kira sebagai penggunaan perantaraan. **Nilai ditambah** pada harga malar diperoleh sebagai baki hasil tolak penggunaan perantaraan daripada output.

B) PERKHIDMATAN KERAJAAN

Nilai ditambah pada harga semasa bagi Perkhidmatan Kerajaan bersamaan dengan hasil tambah pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja dan penggunaan modal tetap.

Perkhidmatan Kerajaan pada harga semasa diperoleh secara langsung daripada akaun keempat-empat peringkat kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun. Bagi anggaran suku tahunan, akaun Kerajaan Persekutuan digunakan sebagai penggerak bagi keseluruhan sektor kerajaan.

Indeks harga yang berkaitan digunakan untuk mendapatkan nilai ditambah pada harga malar.

SUMBER DATA

Sumber Data	Subsektor													
	Utiliti	Perdagangan borong & runcit	Makanan & minuman	Penginapan	Pengangkutan & penyimpanan	Maklumat & komunikasi	Kewangan	Insurans	Hartanah	Perkhidmatan perniagaan	Pendidikan swasta	Kesihatan swasta	Perkhidmatan lain	Kediaman yang didiami oleh pemilik
1 Survei Perdagangan Edaran Bulanan		✓												
2 Survei Perkhidmatan Suku Tahunan			✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓	
3 Indeks Perdagangan Edaran		✓												
4 Indeks Perkhidmatan			✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
5 Banci Penduduk dan Perumahan													✓	✓
6 Bank Negara Malaysia							✓	✓						

Subsektor	Sumber Data													
	Utiliti	Perdagangan borong & runcit	Makanan & minuman	Penginapan	Pengangkutan & penyimpanan	Maklumat & komunikasi	Kewangan	Insurans	Hartanah	Perkhidmatan perniagaan	Pendidikan swasta	Kesihatan swasta	Perkhidmatan lain	Kediaman yang didiami oleh pemilik
7 Jabatan Akauntan Negara Malaysia														
8 Jabatan Perkhidmatan Awam														
9 Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)										✓				
10 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia							✓							
11 Bursa Malaysia							✓							
12 Penyata Kewangan Syarikat	✓													



DUTI IMPORT

METODOLOGI

Duti Import pada harga semasa diperoleh daripada Kastam Diraja Malaysia yang membekalkan data bulanan. Nilai pada harga malar diperoleh dengan menggunakan indeks harga yang berkaitan.

Mulai tahun 2015, selari dengan sistem perkuatuan baharu data bagi duti import diselaraskan semula berdasarkan data yang dibekalkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia

SUMBER DATA

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia

ANGGARAN PERBELANJAAN**PERBELANJAAN PENGGUNAAN AKHIR SWASTA****METODOLOGI**

Perbelanjaan penggunaan isi rumah suku tahunan dianalisa berdasarkan kumpulan barang dan perkhidmatan seperti yang dikelaskan dalam *Classification of Individual Consumption by Purpose (COICOP)*.

Sumber utama adalah Survei Perdagangan Edaran Bulanan dan Survei Perkhidmatan Suku Tahunan. Maklumat tambahan seperti pinjaman dan deposit oleh isi rumah, pembayaran premium insurans hayat dan am terpilih, maklumat penggunaan utiliti oleh residen, komponen pengangkutan terpilih, komunikasi, perkhidmatan persendirian dan perkhidmatan perniagaan juga digunakan dalam penganggaran. FISIM turut dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan ini.

Perbelanjaan residen di luar negara dan perbelanjaan bukan residen di pasaran domestik diperoleh daripada Imbangan Pembayaran Suku Tahunan.

SUMBER DATA

- Survei Perdagangan Edaran Bulanan
- Survei Perkhidmatan Suku Tahunan
- Imbangan Pembayaran Suku Tahunan
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan
- Perangkaan Pembuatan Bulanan
- Bank Negara Malaysia

**PERBELANJAAN PENGGUNAAN AKHIR KERAJAAN****METODOLOGI**

Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan diukur sebagai hasil tambah nilai ditambah, input perantaraan dan FISIM, ditolak nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Nilai ditambah dikira sebagai hasil tambah pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja dan penggunaan modal tetap. Anggaran penggunaan perantaraan diperoleh dengan mengira nilai barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam perkhidmatan kerajaan.

Bagi siri suku tahunan, akaun Kerajaan Persekutuan diguna sebagai penggerak kepada keseluruhan sektor kerajaan. Dengan mengandaikan nisbah Kerajaan Persekutuan daripada keseluruhan Kerajaan tetap sama seperti tahun sebelumnya yang mana anggaran tahunan telah dibuat.

Harga malar bagi nilai ditambah, penggunaan perantaraan dan nilai jualan dideflasi menggunakan indeks harga yang bersesuaian.

SUMBER DATA

- Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Awam



PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR

METODOLOGI

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) diukur dengan jumlah nilai perolehan aset tetap, ditolak pelupusan aset tetap oleh residen dalam tempoh perakaunan yang digunakan secara berulang kali dan berterusan dalam proses pengeluaran serta perbelanjaan ke atas perkhidmatan yang menambah nilai kepada aset bukan pengeluaran.

Perolehan termasuk pembelian aset (baharu atau terpakai) dan pembinaan aset oleh pengeluar untuk kegunaan mereka sendiri. Pelupusan termasuk jualan aset untuk skrap serta jualan aset terpakai yang masih boleh digunakan kepada pengeluar lain.

Anggaran PMTK suku tahunan mengikut jenis aset terbahagi kepada tiga jenis aset iaitu Struktur, Jentara & Kelengkapan dan Aset Lain. Nilai PMTK pada harga semasa mengikut jenis aset dianggarkan menggunakan nisbah PMTK SUT 2015 ke atas output yang diperoleh dari Statistik Pembinaan Suku Tahunan, Perangkaan Pembuatan Bulanan dan import barang modal. Selain itu, perbelanjaan cari gali minyak & gas asli dan pelbagai data daripada agensi kerajaan yang berkaitan turut digunakan dalam penganggaran.

PMTK Awam diperoleh daripada maklumat Perbelanjaan Aset bagi Akaun Kewangan Kerajaan Persekutuan, Statistik Pembinaan Suku Tahunan, Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan, Imbangan Pembayaran Suku Tahunan dan Survei Perbelanjaan Modal Pertubuhan Awam Suku Tahunan.

Manakala PMTK Swasta dianggarkan menggunakan maklumat Survei Perkhidmatan Suku Tahunan, Survei Akaun Negara Suku Tahunan, Statistik Pembinaan Suku Tahunan, Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan, Imbangan Pembayaran Suku Tahunan dan pelbagai sumber data pentadbiran yang berkaitan.

Nilai PMTK pada harga malar diperoleh dengan mendeflasi nilai PMTK pada harga semasa dengan indeks harga yang berkaitan.

SUMBER DATA

- SUT 2015
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia
- Statistik Pembinaan Suku Tahunan
- Perangkaan Pembuatan Bulanan
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan
- Imbangan Pembayaran Suku Tahunan
- Perbadanan Harta Intelek Malaysia
- Pusat Maklumat Harta Tanah (NAPIC)
- Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
- Survei Perkhidmatan Suku Tahunan
- Survey Akaun Negara Suku Tahunan
- Survei Perbelanjaan Modal Pertubuhan Awam Suku Tahunan
- Penyata Kewangan Syarikat

METODOLOGI DAN SUMBER DATA



PERUBAHAN INVENTORI

METODOLOGI

Perubahan dalam inventori dikira berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan dan survei suku tahunan industri lain. Perubahan inventori bagi komoditi pertanian utama diperoleh daripada data pentadbiran agensi-agensi yang berkaitan.

Ukuran kuantiti bagi inventori ditukarkan kepada nilai menggunakan harga purata tahun asas; perbezaan antara inventori akhir dan inventori awal dalam harga tahunan asas memberikan perubahan inventori pada harga malar. Begitu juga, inventori akhir dinilai pada harga purata bagi suku tahunan rujukan tolak inventori awal yang dinilai pada harga purata bagi suku tahunan sebelumnya memberikan perubahan dalam inventori pada harga semasa.

SUMBER DATA

- Survei Pembuatan Bulanan
- Survei Perdagangan Edaran Bulanan
- Survei Getah Bulanan
- Data pentadbiran dari agensi berkaitan



BARANGAN BERHARGA

METODOLOGI

Barangan berharga bermaksud barangan yang dibeli dengan tujuan untuk pelaburan di mana pembelian tersebut dibuat dengan andaian bahawa nilai barang tersebut akan meningkat pada masa akan datang. Antara contoh barangan berharga adalah logam dan batu berharga, barang antik, barang seni dan sebagainya. Nilai pada harga semasa diperoleh dari pelbagai indikator dan sumber data termasuklah data import, penyiasatan pembuatan dan perdagangan edaran. Data ini kemudiannya dideflasi dengan harga yang berkaitan untuk mendapatkan nilai pada harga malar.

SUMBER DATA

- Survei Perdagangan Edaran Bulanan
- Survei Pembuatan Bulanan
- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan



EKSPORT DAN IMPORT

METODOLOGI

Siri harga semasa bagi item ini adalah berdasarkan kepada anggaran imbalan pembayaran. Perdagangan barang adalah item utama dalam nilai import dan eksport di mana perangkaan perdagangan memberikan ukuran nilai semasa. Aliran perdagangan perkhidmatan dianggarkan daripada penyiasatan suku tahunan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Harga yang berkaitan, kadar tukaran dan indeks harga antarabangsa yang disesuaikan dengan perubahan kadar tukaran digunakan untuk mendapatkan harga malar.

SUMBER DATA

- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan
- Imbangan Pembayaran Suku Tahunan
- Indeks Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia



PELARASAN

Anggaran suku tahunan dan tahunan akan diselaraskan di mana yang perlu. Dalam situasi di mana akaun tahunan dan suku tahunan menggunakan sumber data yang sama, pelarasannya suku tahunan tidak perlu dipadankan dengan akaun tahunan.

Dalam keadaan lain di mana akaun tahunan dan suku tahunan menggunakan sumber data yang berbeza dan apabila akaun suku tahunan diekstrapolasi dengan menggunakan teknik tanda aras tahunan, anggaran suku tahunan diselaraskan dengan anggaran tahunan. Pelarasannya suku tahunan dibuat dengan menggunakan teknik tanda aras. Ini membolehkan akaun suku tahunan dijumlahkan untuk mendapatkan akaun tahunan serta mengekalkan arah aliran suku tahunan.

Dalam penerbitan ini, pelarasannya antara penawaran dan permintaan barang dan perkhidmatan adalah berdasarkan amalan terbaik, menggunakan maklumat terbaik yang ada dan pengetahuan *national accountants* berkenaan setiap item yang menyumbang kepada KDNK.

ESTIMATION OF PRODUCTION**AGRICULTURE SECTOR****METHODOLOGY**

Quantity of production and relevant prices information on quarterly basis are used to obtain output at current and constant prices as follows:

- *Rubber: production of rubber;*
- *Oil Palm: production of crude palm oil, palm kernel and fresh fruit bunches;*
- *Livestock: relevant indicators;*
- *Other Agriculture: relevant indicators;*
- *Forestry and Logging: production of logs; and*
- *Fishing: quantity of landed marine fish and aquaculture.*

The latest available constant prices input-output ratio is used to derive intermediate consumption at constant prices; inflating this gives intermediate consumption at current prices. Value added are derived as residuals by subtracting intermediate consumption from output.

DATA SOURCES**RUBBER**

- *Monthly Rubber Statistics, Malaysia*
- *Malaysian Rubber Board*
- *Monthly External Trade Statistics*

OIL PALM

- *Malaysian Palm Oil Board*
- *Monthly External Trade Statistics*

LIVESTOCK

- *Department of Veterinary Services, Peninsular Malaysia*
- *Department of Veterinary Services, Sabah*
- *Department of Veterinary Services, Sarawak*
- *Monthly External Trade Statistics*
- *Agriculture and Environment Survey*

OTHER AGRICULTURE

- *Department of Agriculture, Malaysia*
- *Malaysian Pineapple Industry Board*
- *Malaysian Pepper Board*
- *Federal Agriculture Marketing Authority*
- *Malaysian Cocoa Board*
- *Agriculture and Environment Survey*
- *Monthly External Trade Statistics*

FORESTRY AND LOGGING

- *Forestry Department of Peninsular Malaysia*
- *Sabah Forestry Department*
- *Forestry Department Sarawak*
- *Monthly External Trade Statistics*
- *Malaysia Timber Industry Board*

FISHING

- *Department of Fisheries, Malaysia*
- *Monthly External Trade Statistics*



MINING AND QUARRYING SECTOR

METHODOLOGY

Quantity of production and relevant prices information on quarterly basis are used to obtain output at current and constant prices as follows:

- *Crude Oil, Condensate and Natural Gas: production of crude oil, condensate and natural gas; and*
- *Other Mining: quantity by type of minerals.*

The latest available constant prices input-output ratio is used to derive intermediate consumption at constant prices; inflating this gives intermediate consumption at current prices. Value added are derived as residuals by subtracting intermediate consumption from output.

DATA SOURCES

PETROLEUM AND NATURAL GAS

- *Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)*
- *Industrial Production Index*
- *Monthly External Trade Statistics*

OTHER MINING & QUARRYING AND SUPPORTING SERVICES

- *Minerals and Geoscience Department Malaysia*
- *Quarterly Construction Survey*
- *Quarterly National Accounts Survey*



MANUFACTURING SECTOR

METHODOLOGY

The Monthly Manufacturing Survey, Industrial Production Index and relevant price indices are used to generate output at current and constant prices.

The latest available constant prices input-output ratio is used to derive intermediate consumption at constant prices; inflating this gives intermediate consumption at current prices. Value added are derived as residuals by subtracting intermediate consumption from output.

METHODOLOGY AND DATA SOURCES

DATA SOURCES

- *Monthly Manufacturing Survey*
- *Industrial Production Index*
- *Monthly External Trade Statistics*



CONSTRUCTION SECTOR

METHODOLOGY

Value of work done on quarterly basis is used to estimate output at current prices.

The latest available constant prices input-output ratio is used to derive intermediate consumption at constant prices; inflating this gives intermediate consumption at current prices. Value added are derived as residuals by subtracting intermediate consumption from output.

DATA SOURCES

- *Quarterly Construction Statistics*
- *Monthly External Trade Statistics*



SERVICES SECTOR

METHODOLOGY

A) PRIVATE SERVICES

Output for Private Services sector is estimated at current and constant prices based on quarterly information from various sources which applies to the following sub-sectors:

UTILITIES

Consumption data of electricity, gas and water are used to estimate output at constant prices.

WHOLESALE & RETAIL TRADE

Output at current and constant prices are moved by sales value indicators that obtained from Monthly Survey of Distributive Trade and Index of Distributive Trade.

FOOD & BEVERAGE, ACCOMMODATION, TRANSPORTATION & STORAGE, INFORMATION AND COMMUNICATION, REAL ESTATE, BUSINESS SERVICES, PRIVATE EDUCATION, PRIVATE HEALTH AND OTHER PRIVATE SERVICES

Quarterly Survey of Services and Index of Services data is used as a mover to estimate output at current prices.

FINANCE

Main output consists of explicit service charges and (Financial Intermediation Services Indirectly Measured) FISIM. FISIM is calculated based on reference rate method as recommended in 2008 SNA. Allocation of FISIM is made according to the composition of stock of loans and deposits in the banking system.

INSURANCE

Output at current prices is derived by adding premium income and net investment income minus claims paid.

OWNER OCCUPIED DWELLINGS

The quarterly estimate at constant prices is extrapolated based on changes in housing stock which includes the increased proportion factor of home ownership population in Malaysia.

Relevant price indices are used to deflate output to arrive at constant prices. Estimation of **intermediate consumption** at constant prices are using input-output ratio which is updated based on the latest data available. **Value added** is derived as residuals by subtracting intermediate consumption from output.

B) GOVERNMENT SERVICES

Value added at current prices of Government Services equals the sum of compensation of employees, pension allocated to the current employees and consumption of fixed capital.

The Government Services at current prices is compiled based on accounts of four levels of government namely Federal, State, Local Authority and Statutory Bodies. For quarterly estimates, the Federal Government account is used as movers for the whole government sector.

Relevant price indices are used to obtain the constant value added.

DATA SOURCES

Sub-sectors		Utilities	Wholesale & retail trade	Food & beverage	Accommodation	Transportation & storage	Information & communication	Finance	Insurance	Real estate	Business services	Private education	Private health	Other services	Owner occupied dwellings	Government services
Data Sources		1 Monthly Survey of Distributive Trade	2 Quarterly Survey of Services	3 Index of Distributive Trade	4 Index of Services	5 Population and Housing Census	6 Central Bank of Malaysia									
1 Monthly Survey of Distributive Trade		✓														
2 Quarterly Survey of Services			✓	✓	✓	✓	✓			✓	✓	✓	✓	✓	✓	
3 Index of Distributive Trade		✓														
4 Index of Services			✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
5 Population and Housing Census								✓	✓					✓	✓	
6 Central Bank of Malaysia																

METHODOLOGY AND DATA SOURCES

Sub-sectors		Utilities	Wholesale & retail trade	Food & beverage	Accommodation	Transportation & storage	Information & communication	Finance	Insurance	Real estate	Business services	Private education	Private health	Other services	Owner occupied dwellings	Government services
Data Sources																
7 Accountant General's Department of Malaysia																<input checked="" type="checkbox"/>
8 Public Services Department																<input checked="" type="checkbox"/>
9 National Property Information Centre (NAPIC)										<input checked="" type="checkbox"/>					<input checked="" type="checkbox"/>	
10 Securities Commission Malaysia								<input checked="" type="checkbox"/>								
11 Bursa Malaysia								<input checked="" type="checkbox"/>								
12 Companies Financial Statements	<input checked="" type="checkbox"/>															



IMPORT DUTIES

METHODOLOGY

Import duties at current prices are obtained from Royal Malaysian Customs Department which provides monthly data. Value at constant prices is derived by using relevant price indices.

Starting from year 2015 onwards, import duties data have been reconciled with the data provided by Royal Malaysian Customs Department in line with the implementation of new tax system.

DATA SOURCES

- Royal Malaysian Customs Department

ESTIMATION OF EXPENDITURE



PRIVATE FINAL CONSUMPTION EXPENDITURE

METHODOLOGY

The quarterly household consumption expenditure is analysed by goods and services group as classified in Classification of Individual Consumption by Purpose (COICOP).

Monthly Survey of Distributive Trade and Quarterly Survey of Services are the main data sources. Additional information such as loans and deposits by households, life and selected general insurance premiums paid, information on the consumption of utilities by residence, selected components of transport, communication, private services and business services are also used in the estimation. FISIM is also included in the estimation of expenditure.

Expenditure by residents purchased abroad and expenditure by non-residents in domestic market are obtained from the Quarterly Balance of Payments.

DATA SOURCES

- Monthly Survey of Distributive Trade
- Quarterly Survey of Services
- Quarterly Balance of Payments
- Monthly External Trade Statistics
- Monthly Manufacturing Survey
- Central Bank of Malaysia



GOVERNMENT FINAL CONSUMPTION EXPENDITURE

METHODOLOGY

Government Final Consumption Expenditure is measured with the sum of value added, intermediate consumption and FISIM, less revenue from sales of goods and services produced by government.

Value added is calculated as the sum of compensation of employees, pension allocated to the current employees and consumption of fixed capital. The estimate of intermediate consumption is obtained by calculating the value of goods and services used in the production of government services.

For the quarterly series, the Federal Government accounts are used as a mover for the whole government sector. With assumption that the proportion of Federal Government to total Government remains the same as the previous year for which annual estimates have been made.

The constant prices estimates of value added, intermediate consumption and sales are deflated by using relevant prices.

DATA SOURCES

- Accountant General's Department of Malaysia
- Public Services Department



GROSS FIXED CAPITAL FORMATION

METHODOLOGY

Gross Fixed Capital Formation (GFCF) is measured by the total value acquired, less disposal of fixed assets by the residents during the accounting period which are used repeatedly or continuously for production plus expenditure on services that adds value to the non-produced assets.

Acquisition includes both purchases of assets (new or used) and the construction of assets by producers for their own use. Disposal include sales of assets for scrap as well as sales of used assets in a working condition to other producers.

Quarterly estimates of GFCF by type of assets is divided into three type of assets i.e. Structure, Machinery & Equipment and Other Assets. The value of GFCF by type of assets is estimated by applying the GFCF SUT 2015 ratio on the output obtained from Quarterly Construction Survey, Monthly Manufacturing Survey and imports of capital goods. Moreover, exploration expenditure of oil & natural gas and various data from government agencies are used in the compilation.

Public GFCF is obtained from the expenditure on assets of the Federal Government Accounts, Quarterly Construction Statistics, Monthly External Trade Statistics, Balance of Payments Statistics and Quarterly Survey of Capital Expenditure for Public Establishments.

The estimates of Private GFCF are derived from information of Quarterly Survey of Services, Quarterly National Accounts Survey, Quarterly Construction Statistics, Monthly External Trade Statistics, Quarterly Balance of Payments and various related administrative data.

GFCF at constant prices is obtained by deflating the GFCF at current prices with the relevant price index.

DATA SOURCES

- SUT 2015
- Malaysian Palm Oil Board
- Quarterly Construction Statistics
- Monthly Manufacturing Survey
- Monthly External Trade Statistics
- Quarterly Balance of Payments
- Intellectual Property Corporation of Malaysia
- National Property Information Centre (NAPIC)
- Financial Statement of Federal Government
- Quarterly Survey of Services
- Quarterly National Accounts Survey
- Quarterly Survey of Capital Expenditure for Public Establishments
- Financial Statements from Companies



CHANGES IN INVENTORIES

METHODOLOGY

Measures of changes in inventories is built up from the Monthly Manufacturing Survey and quarterly survey of other industries. Changes in inventories of major agriculture commodities are obtained from the administrative data of the relevant agencies.

Quantity measures on inventories are converted to values using base year average prices; the difference between closing inventories and opening inventories in base year prices gives the changes in inventories at constant prices. Similarly, closing inventories valued at the average price of the reference quarter less the opening inventories valued at the average price of the previous quarter gives changes in inventories at current prices.

DATA SOURCES

- *Monthly Manufacturing Survey*
- *Monthly Survey of Distributive Trade*
- *Monthly Rubber Statistics*
- *Administrative data from relevant agencies*



VALUABLES

METHODOLOGY

Valuables is defined as products bought for the purpose of investment where the purchase is made with the assumption that the value of the products will increase in the future. Examples of valuables are precious metals and stones, antiques, works of art and etc. Value at current prices is obtained from various indicators and data sources such as imports data, manufacturing survey and distributive trade. These data are then deflated by the relevant price indices to arrive the value at constant prices.

DATA SOURCES

- *Monthly Survey of Distributive Trade*
- *Monthly Manufacturing Survey*
- *Monthly External Trade Statistics*



EXPORTS AND IMPORTS

METHODOLOGY

The current price series for these items are based on the balance of payments estimates. The merchandise trade is the major item in both imports and exports value which the trade statistics provides the measure of the current value. Services trade flows are estimated from quarterly survey conducted by DOSM.

Relevant prices, exchange rates and international price indices adjusted for exchange rate changes are used to obtain constant price estimates.

DATA SOURCES

- *Monthly External Trade Statistics*
- *Quarterly Balance of Payments*
- *Malaysia External Trade Indices*



RECONCILIATION

Quarterly and annual estimates are reconciled where necessary. In situation, whereby the annual and quarterly accounts uses the same data sources, no reconciliation of the quarterly need to be made to fit the annual accounts.

In other cases, whereby the annual and quarterly accounts uses different data sources and if the quarterly accounts are extrapolated by using annual benchmarks, quarterly estimates are reconciled with the annual estimates. Reconciliation of quarterly is made by using the benchmarking technique. This allows the quarterly accounts to be summed up to the annual accounts while maintaining the quarterly trend.

In this publication reconciliation between supply and use of goods and services is based on the best practice, make use of the best available information and knowledge that the national accountants have on item that contributing to the GDP.